

Lelaki salah guna dadah didenda RM2,500 dan diawasi polis selama dua tahun

MIRI: Seorang lelaki didenda RM2,500 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah atas pertuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Hamilton Tan

Yung Fui, 29, dari Grace Garden, Kampung Luak 3 di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 yang dibacakan bersama Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun serta pengawasan mandatori oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen

2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, bagi tempoh tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun di bawah Seksyen 38B ADB 1952.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) yang tersenarai dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan memasukkan bahan tersebut ke dalam tu-

buh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 3.19 pagi, 7 Februari 2025 di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.